



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

## Bilangan 06 Tahun 2021

### **PENETAPAN AMANAH TUGAS, KEBERADAAN DAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI GRED PENOLONG PENSYARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai penetapan amanah tugas, keberadaan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi gred Penolong Pensyarah di UiTM.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Bagi memastikan keseragaman penetapan amanah tugas, keberadaan dan LNPT, Majlis Sumber Manusia (MSM) melalui mesyuarat bil. 55 bertarikh 8 Februari 2021 telah meluluskan penetapan amanah tugas, keberadaan dan LNPT bagi gred Penolong Pensyarah UiTM. Kelulusan MSM ini menetapkan bahawa:

- a. Semua gred Penolong Pensyarah akan diberi Kontek Syarahan (KS) tertakluk kepada keperluan Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing;
  - b. Senarai tugas KS dimasukkan ke dalam Deskripsi Tugas (*Job Description* (JD)) yang merangkumi urusan-urusan yang terlibat dalam membantu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akademik;
  - c. Semua Penolong Pensyarah perlu mengisi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan LNPT melalui sistem HR2U; dan
  - d. Semua Penolong Pensyarah perlu merekodkan kehadiran dengan memilih Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) dan tertakluk kepada Waktu Peringkat (WP) staf pentadbiran.
3. Semua Ketua PTJ adalah dipohon untuk menyampaikan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti / Pusat Akademik / UiTM Cawangan masing-masing.

## PEKELILING BERKAITAN

4. Dengan penguatkuasaan pekeling ini, pemakaian Pekeling Akademik bil. 05 / 2017: Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) 3.0 bagi gred jawatan DM29, DM32, DM34, DM36 dan DM40 adalah berpinda di mana:

- a. ketetapan keperluan minimum jumlah jam KS bersamaan 18 jam dan minimum jumlah jam Persediaan Syarahan (PS) bersamaan 9 jam **adalah dikekalkan**; manakala
- b. keperluan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) dan keperluan jumlah ATP minimum 39 jam **adalah terbatal**.

## TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeling ini dikeluarkan pada 01 Mac 2021.

## TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeling ini berkuat kuasa mulai 01 Mac 2021.



**PROF. Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 01 Mac 2021  
Kategori Pekeling : Polisi